

Rayu atasi banjir kilat

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN
berita@kosmo.com.my

JEMPOL – Penduduk dan peniaga di Felda Gugusan Raja Alias 2, dekat sini merayu pihak bertanggungjawab mengatasi segera masalah banjir kilat yang kerap melanda kawasan itu apabila hujan lebat.

Dalam kejadian malam kelmarin, hampir 10 buah premis perniagaan dan 14 buah rumah dimasuki air menyebabkan penduduk mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda.

Seorang peniaga, Ayob Sitam, 56, berkata, dia kerugian hampir RM1,000 kerana barang jualan di kedainya tidak sempat diselamatkan apabila banjir kilat melanda kira-kira pukul 8 malam.

“Beginilah nasib kami setiap kali banjir, kami sentiasa bimbang kerana terpaksa berhadapan dengan kerugian,” katanya di sini semalam.

Ayob mendakwa kejadian banjir kilat itu disebabkan longkang berhampiran Pejabat Kesihatan daerah yang rosak dan tidak diselenggara sehingga menyebabkan aliran air tersekat.

“Akibatnya, air itu melimpah masuk ke dalam kedai kami setiap kali hujan lebat. Masalah itu sudah terlalu lama dan belum ada tanda longkang itu akan



PEMILIK kedai di pusat perniagaan Felda Gugusan Raja Alias 2, Jempol, Negeri Sembilan membersihkan premis mereka selepas dilanda banjir kilat malam kelmarin.

diperbaiki. Kami berharap tindakan segera dapat diambil,” katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd. Salem Arumadass, 47, berkata, kejadian banjir itu telah dua kali berlaku pada tahun ini dan dua kali lagi beberapa tahun lalu.

“Saya berniaga makanan dan minuman di sini sejak lima tahun lalu, setiap kali banjir saya terpaksa me-

anggung kerugian. Barangan jualan banyak yang rosak,” ujarinya.

Sementara itu, Setiausaha Jawatan kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) Raja Alias 2, Abd. Razak Md. Isa berkata, selain premis perniagaan, terdapat 14 buah rumah turut dilanda banjir akibat limpahan Sungai Mar-timan yang terletak berdekatan kawasan itu.